

SIMPOSIUM PASARAN MODAL SEDUNIA (WCMS)

Pasaran modal kekal positif

» *Ekuiti, bon tempatan jana modal RM75 bilion*

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Shahrizan Salian
bhbiz@bh.com.my

Sektor pasaran modal tempatan kekal mencatat prestasi memberangsangkan pada tahun ini, meskipun berlaku ketidakpastian sebahagian besar pasaran yang sedang pesat membangun di seluruh dunia.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Ranjit Ajit Singh, berkata perkara itu dibuktikan apabila setakat tahun ini, pasaran ekuiti dan bon tempatan sudah menjana modal yang dianggarkan bernilai kira-kira RM75 bilion.

Daripada jumlah itu, katanya pasaran bon tempatan terus menyerlah dengan modal yang dijana setakat tahun 2015 berjumlah kira-kira RM70 bilion manakala pasaran ekuiti dianggarkan menjana modal antara RM4 bilion hingga RM5 bilion.

"Sejak beberapa tahun lalu, modal yang dijana daripada pasaran bon dan tawaran awam permulaan (IPO) secara keseluruhannya mencecah RM90 bilion.

"Justeru, angka yang dicatatkan setakat tahun ini adalah sangat memberangsangkan dengan mengambil



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

kira persekitaran semasa," katanya kepada media selepas pelancaran Simposium Pasaran Modal Sedunia (WCMS) di Kuala Lumpur, semalam.

Simposium dua hari bertemakan 'Pasaran dan Teknologi: Memacu Pertumbuhan Masa Depan Melalui Inovasi' dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ranjit berkata, prestasi yang ditunjukkan pada tahun ini membuktikan bahawa pasaran modal Malaysia adalah sangat berdaya tahan.

Ia, jelas Ranjit, bukan hanya berupaya menangani cabaran dengan teratur malah menunjukkan kemampuannya membentuk sistem kewangan yang pelbagai.

Katanya, Malaysia mempunyai pasaran bon bernilai RM1 trilion dan pasaran ekuiti bernilai RM1.7 trilion manakala institusi tempatannya juga mempunyai kecairan kukuh berjumlah antara RM600 bilion hingga RM700 bilion.

"Semua perangkaan ini dipandang oleh pemerhati pasaran dan telah memberikan sokongan kepada daya tahan keseluruhannya.

"Justeru, ia memberikan keselesaan kepada Malaysia untuk menangani ketidakpastian pasaran dan membole-

hkan kita meneruskan usaha untuk mengembangkan pasaran dan menggalakkan lebih banyak penyertaan ke dalam pasaran," katanya.

Beliau menambah, keyakinan terhadap pasaran modal Malaysia juga dicerminkan oleh fakta yang menunjukkan berlaku jualan bersih dalam industri dana amanah.

Pelabur terus yakin

Pada masa sama, katanya industri pengurusan dana negara ini terus berkembang, pelabur terus melabur wang dalam dana serta pelbagai jenis dana juga telah dilancarkan.

"Pelabur mengiktiraf bahawa Malaysia mempunyai sistem pasaran modal dan kewangan yang kukuh. Berdasarkan keadaan itu, mereka percaya bahawa mana-mana pasaran terbuka kepada tempoh penyesuaian dan akan meningkat semula," katanya.

Mengulas lanjut, Ranjit berkata, situasi tidak menentu dalam pasaran sedang pesat membangun adalah satu fenomena global dan keadaan itu telah memberikan kesan kepada banyak pasaran di seluruh dunia.

"Seperti yang diketahui, keadaan tidak menentu dalam persekitaran pada hari ini mempengaruhi semua pasaran yang terbuka, pasaran yang komited terhadap penyertaan pelabur sama ada di peringkat domestik atau dari luar.

"Pasaran sedemikian perlu bersedia menghadapi ketidakpastian yang berlaku. Ia sebuah fenomena global," katanya.



“Pelabur mengiktiraf bahawa Malaysia mempunyai sistem pasaran modal dan kewangan yang kukuh. Berdasarkan keadaan itu, mereka percaya bahawa mana-mana pasaran terbuka kepada tempoh penyesuaian dan akan meningkat semula”

Ranjit Ajit Singh,
Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti